

**PENCALONAN BAGI MENGIKUTI KURSUS
DIPLOMA SAINS PENGURUSAN/ SARJANA SAINS PENGURUSAN SESI 2012/2013**

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama.

1. Syarat-Syarat Kelayakan

- (i) **Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;**
- (ii) **Berumur tidak melebihi 40 tahun pada 1 Januari 2012;**
- (iii) **Pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional termasuk Pegawai Tentera yang sekurang – kurangnya berpangkat **Kapten**, dan Pegawai Polis sekurang – kurangnya berpangkat **Inspektor**, yang memiliki **Ijazah Pertama atau kelayakan yang setaraf dengannya**, dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama **5 tahun dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;****
- (iv) **Mencapai gred **kepujian** dalam matapelajaran **Matematik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);****
- (v) **Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas** bagi tempoh **genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2009, 2010 & 2011)**. Penilaian setahun LNPT **genap 12 bulan;****
- (vi) **Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah; dan**
- (vii) **Telah mengisytiharkan harta.**

2. Kemudahan

Pegawai-pegawai yang berjaya dipilih akan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan** dengan kelulusan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.

3. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai-pegawai yang berjaya ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan.

4. Tatacara Permohonan/ Pencalonan

4.1 Tanggungjawab Pegawai

4.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang secara dalam talian di Portal JPA, www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. **Permohonan dibuka mulai 8 Ogos sehingga 30 Ogos 2012.**

4.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Salinan Ijazah Pertama atau kelayakan yang setaraf dengannya;
- (ii) Salinan Senarai Tugas; dan
- (iii) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

4.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

4.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

4.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

4.2.2 Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya **memperakukan calon yang boleh dilepaskan** oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan pada tahun 2012, 2013 dan 2014 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan program ini, Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian.

4.2.3 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini **selewat-lewatnya pada 7 September 2012**. Sehubungan itu, adalah

menjadi tanggungjawab Panel Pembangunan Sumber Manusia untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) Mengisi Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN A**) dan Borang Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian/Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan – Borang JPA(L)LDP1A/96 (**LAMPIRAN B**); dan
- (ii) Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan ke Jabatan ini. Perakuan pencalonan hendaklah dikemukakan bersama-sama:-
 - (a) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 4; dan
 - (b) Dokumen-dokumen seperti di perenggan 5.

4.2.4 Pencalonan tanpa melalui PPSM dan borang-borang yang tidak lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya.

4.2.5 Jabatan ini berhak menolak pencalonan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang didapati tidak mengambil tindakan yang dinyatakan di atas.

4.2.6 Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA.
(u.p: Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)

5. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini, sila hubungi:

Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan
Telefon : **03 – 88853546**
Faks : **03 – 88892171**
Emel : **ldp@jpa.gov.my**